

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua pelajar UiTM.

Semoga semuanya berada dalam keadaan sihat wal'afiat.

Pada ketika ini, seluruh dunia sedang berhadapan dengan satu krisis yang tidak pernah kita jangka. Pandemik COVID-19 telah meletakkan kita dalam suasana getir serta memaksa kita untuk melihat semula ke dalam diri kita dan bagaimana kita semua bertindak menghadapi kesukaran ini. Semester yang kita rancang, impian untuk bergraduasi, semuanya telah berubah.

Saya percaya dalam situasi tegang ini, kita semua terkesan dengan pelbagai cabaran yang tidak menentu sama ada secara fizikal mahupun emosi. Walau bagaimanapun, UiTM telah sedaya upaya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan warga menjadi perkara utama yang harus dititikberatkan.

Saya juga amat memahami kekusaran yang dihadapi oleh para pelajar dan keluarga khususnya terhadap sesi pembelajaran. Kepada semua pelajar yang berada di kampus mahupun yang di rumah, pihak UiTM telah dan akan berusaha sebaik mungkin demi memastikan para pelajar dapat meneruskan pengajian pada semester ini menerusi pelaksanaan pembelajaran terbuka dan jarak jauh (*Open and Distance Learning (ODL)*)

Segala perancangan dan pelaksanaan pembelajaran diubah dan disesuaikan dengan mod penyampaian secara dalam talian dan/atau secara jarak jauh termasuklah dari segi penilaian kursus. Dalam konteks ini, bukan sahaja pensyarah bahkan pelajar perlu lebih bersedia dan bersikap positif dengan pelbagai cabaran yang bakal dihadapi untuk mewujudkan sesi penyampaian dan pembelajaran yang lebih kreatif dengan suasana interaktif.

Saya percaya, Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Pusat Kesihatan, Pusat Zakat, Pengurusan kampus serta pihak fakulti yang telah dan sedang bertungkus lumus bekerjasama dalam merancang, menyediakan kemudahan termasuklah perkhidmatan kaunseling, panduan dan pelan pengajian baru bagi memastikan semua pelajar UiTM dapat meneruskan sesi pembelajaran dengan lancar dan berjaya.

Setiap perancangan yang dibuat, dibincang, dipilih dan diputuskan adalah demi kebaikan pelajar dan semua pihak. Di samping itu, perkara ini juga bergantung kepada situasi dan perkembangan berterusan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh krisis yang melanda ini.

Sesungguhnya, saya amat menghargai sokongan dan kerjasama yang diberikan daripada semua pihak dalam menghadapi keadaan yang mencabar ini. Kepada para pelajar dan seluruh warga UiTM, teruskan berusaha, teguhkan semangat, jangan mudah berputus asa dan binalah kekuatan melalui interaksi dan semangat keserakanan untuk kita mengharungi situasi ini.

Saya berdoa semoga seluruh warga UiTM dan masyarakat seluruhnya akan dilindungi dan dapat menjalani kehidupan dengan lebih tenang serta semoga segala musibah yang melanda di seluruh dunia akan kembali pulih seperti sedia kala.

Kita kekal positif dan bersatu hati untuk menjadi lebih padu. #kitaUiTM

Wassalam.

Profesor Emeritus Datuk Ir Dr Mohd Azraai Kassim
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA
4 April 2020